

Buah zuriat bantu rawat masalah kesuburan

Surah Ali-Imran ayat 38 menyatakan: "Ketika itu Nabi Zakaria berdoa kepada Tuhannya, katanya: Wahai Tuhanku! kurniakanlah kepadaku dari sisi-Mu zuriat keturunan yang baik. Sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menerima) doa."

Sebagai manusia semua berkehendakkan zuriat. Namun begitu, ada sesetengah daripada kita yang lambat atau tidak dikurniakan zuriat kerana Allah SWT yang mengatur segalanya. Bagaimanapun, kita perlu berikhtiar dan berusaha sebelum berserah. Antara cara yang pernah digunakan pada zaman Rasulullah adalah memakan buah zuriat.

Buah zuriat yang tumbuh di Arab mempunyai 1,001 keistimewaan. Ia juga dikenali sebagai buah Adam dan buah Hawa serta

buah doum dalam kalangan masyarakat Arab. Buah zuriat asli berbentuk sangat keras dan perlu dibelah menggunakan parang untuk mendapatkan isinya bagi dibuat minuman.

Ia berkhasiat merawat masalah kesuburan lelaki dan wanita serta menambah kepekatan air mani lelaki dan menguatkan dinding rahim wanita selain sesuai untuk wanita yang pernah keguguran, mandul dan tidak pernah mempunyai zuriat.

Ia mengaktifkan sel darah yang baharu, muda dan hormon yang subur tanpa menjejaskan sel lama; mengekalkan tahap kesihatan salur darah dan melindungi saraf daripada lebihan lemak, glukosa, garam dan asid yang menyebabkan pelbagai penyakit; merawat masalah darah tinggi,


jantung dan saraf seluruh badan; bersifat antikanser, antimikrob malah mengandungi antioksidan yang tinggi juga menstabilkan lemak kolesterol darah dan merawat diabetes.

Cara penggunaan

Terdapat beberapa cara disarankan mereka yang pernah mencuba buah zuriat iaitu:

• Beberapa rakan dari Arab memberitahu, guna sudu untuk mengetuk sekitar buah zuriat (tidak perlu dibelah) dan sangat sehingga menjadi serbuk dan dimakan begitu sahaja ataupun dicampur susu.

• Oleh kerana buah ini juga digelar buah Adam dan Hawa, ada yang merebus buah ini dua biji sekali gus. Buah dibelah dua. Oleh kerana keras, ia memerlukan ke-



Buah zuriat mempunyai 1,001 keistimewaan.

[GAMBAR HIASAN]

upaya yang kuat untuk membelahnya. Rebus biji dan isi sekali sehingga air bertukar warna seakan-akan teh.

• Disarankan minum selama 44 hari atau sehingga mengandungi Diminum suami isteri dan boleh

direbus berulang kali sehingga air rebusan itu bertukar warna menjadi putih kembali, kemudian diganti dengan buah yang baharu.

Nur Nadzirah Abu Kassim,
Universiti Sains Islam Malaysia